

**TEKS UCAPAN PENGARAH POLITEKNIK MERLIMAU  
MELAKA (PMM) SEMPENA SESI LIBAT URUS INDUSTRI  
BERSAMA KU CISEC DAN PPIA POLYCC ZON SELATAN**

**Tarikh:** 14 April 2026 (Selasa)

**Masa:** 2.00 Petang

**Tempat:** Dewan As-Syafie ULPL, PMM

**[MUKADIMAH]**

*Bismillahirrahmanirrahim.*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera.*

*Salam Malaysia MADANI*

*Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia  
Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat*

*Melaka Sayang Rakyat*

*Salam PMMWarriors*

**YANG BERUSAHA DR. ASNIZAH BINTI SAHEKHAINI**

Timbalan Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)  
menjalankan tugas Pengarah Bahagian

## **YANG BERUSAHA TS. JASON CHOY MIN SHENG**

Timbalan Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)

Tetamu Kehormat kita iaitu Wakil-Wakil Industri Rakan Strategik  
kita pada hari ini:

## **EN. MOHAMAD FARIUS BIN SAHARI**

Pengarah Pengurusan Bakat  
*Samsung SDI Energy Malaysia;*

## **EN. CHONG TSHUN MING**

Pengarah (Pembangunan & Modal Insan)  
*Gamuda Berhad*

## **PN. HAWA SELAMAT**

*Senior Associate, Education*  
*EduCity Iskandar Malaysia*

- I. Ketua-ketua Unit CISEC dan PPIA POLYCC Zon Selatan,
- II. rakan-rakan strategik industri,
- III. pegawai-pegawai dari JPPKK,
- IV. barisan pensyarah,
- V. serta seluruh warga PMM dan hadirin yang saya muliakan.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun di dalam majlis yang amat bermakna ini, iaitu **Sesi Libat Urus Industri Bersama KUCISEC dan PPIA POLYCC Zon Selatan.**

Saya mewakili seluruh warga Politeknik Merlimau Melaka (PMM) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan, terutamanya rakan-rakan industri kita, untuk meluangkan masa hadir ke majlis pada petang ini.

### **[UCAPAN ALUAN]**

Hadirin yang dihormati,

Selamat datang ke Politeknik Merlimau Melaka. Kami, khususnya rangkaian Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) Zon Selatan, amat mengalu-alukan kehadiran pihak industri.

Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini bukan sekadar kunjungan biasa, tetapi ia mencerminkan **komitmen bersama yang jitu dalam memperkukuh ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)** yang lebih dinamik, responsif, dan sentiasa berpaksikan kepada keperluan industri semasa.

PMM sentiasa membuka pintu seluas-luasnya terhadap apa jua bentuk kolaborasi strategik. Kami komited untuk mendengar, berbincang, dan mencari titik pertemuan terbaik agar hubungan akademia dan industri ini dapat diterjemahkan kepada tindakan yang berimpak tinggi.

## **[LATAR BELAKANG INDUSTRI & KEPENTINGAN KOLABORASI]**

Hadirin sekalian,

Kita kini berada dalam era transformasi yang pantas. Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), pendigitalan, serta peralihan ke arah kelestarian alam menuntut kita untuk menyediakan **tenaga kerja mahir yang bukan sahaja cekap secara teknikal, tetapi juga adaptif.**

Sebagai contoh, wakil-wakil industri yang berada bersama kita hari ini mewakili sektor-sektor yang sangat kritikal kepada ekonomi negara:

- *Samsung SDI Energy Malaysia* merupakan pemain utama dalam rangkaian bekalan kenderaan elektrik (EV) dan tenaga bersih, dengan pelaburan bernilai sekitar RM7 bilion yang menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi serta pemindahan teknologi terkini.

- *Gamuda Berhad* pula memacu pembangunan infrastruktur berskala besar dan kini melebarkan sayap secara global dengan fokus yang kukuh terhadap pembangunan mampan dan tenaga hijau.
- *EduCity Iskandar Malaysia* yang berpusat di Iskandar Puteri, Johor bertindak sebagai hab pendidikan bertaraf antarabangsa dalam membangunkan modal insan global.

Melihat kepada kerancangan ini, adalah amat signifikan untuk institusi TVET dan pihak industri menjalin **hubungan yang erat dan seiring**. Kami di institusi TVET tidak boleh bergerak hanya di dalam ruang lingkup bilik kuliah; kami memerlukan bimbingan, input, dan realiti pasaran daripada tuan-tuan untuk memastikan kurikulum kami kekal relevan.

## **[PERANAN PMM & KEBOLEHPASARAN GRADUAN]**

Dalam hal ini, PMM berpegang teguh kepada komitmen kami untuk **melahirkan graduan yang berkualiti, kompeten, dan benar-benar memenuhi kehendak industri**.

Izinkan saya berkongsi pencapaian yang amat membanggakan. Berdasarkan Laporan Pengesanan Graduan PMM bagi tahun 2024, **PMM telah berjaya mencatatkan Kadar**

**Kebolehpasaran Graduan (GE) mencapai 100%** daripada 1,173 responden. Daripada jumlah tersebut, 86.4% telah pun bekerja, manakala 13.6% menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Lebih membanggakan, **63.1% graduan kita bekerja dalam bidang yang sepadan dengan program pengajian mereka.**

Dari segi tahap kemahiran pula, **hampir 90% graduan kita berada dalam kategori pekerja mahir (45.4%) dan separuh mahir (44.3%).**

Malah, lebih **70% daripada graduan kita yang bekerja memperoleh pendapatan melebihi RM1,500 sebulan**, satu petanda positif terhadap nilai pasaran mereka.

Data ini menjadi bukti kukuh bahawa graduan PMM memiliki pakej kebolehan teknikal dan *soft skills* yang disasarkan oleh pihak majikan.

### **[IMPAK KOLABORASI PMM-INDUSTRI]**

Pencapaian ini tidak mungkin terhasil tanpa sokongan pihak industri. Untuk pengetahuan semua, sehingga kini, **PMM telah menjalin hubungan kerjasama rasmi bersama 51 rakan**

**strategik**, yang merangkumi **50 rakan industri** dan **1 agensi kerajaan**. Hubungan kolaborasi PMM dan industri ini adalah satu "**win-win situation**" atau situasi menang-menang untuk kedua-dua belah pihak.

Manfaat kolaborasi ini sangat luas. Ia membolehkan kita melaksanakan **penambahbaikan kurikulum** dan pembangunan pusat kecemerlangan agar selari dengan teknologi terkini. Kolaborasi ini juga membuka **peluang latihan industri yang lebih tersusun**, seperti inisiatif Pembelajaran Berasaskan Pekerjaan (*Work-Based Learning* - WBL).

Sebagai contoh, kolaborasi strategik PMM dengan hotel bertaraf antarabangsa seperti **Casa del Rio** dan **DoubleTree by Hilton** telah memberi manfaat WBL kepada lebih 230 orang pelajar, malah pakar industri mereka turut diangkat sebagai Pensyarah Pelawat Industri di PMM.

Perkongsian kepakaran dan inisiatif berimpak tinggi ini turut membuka sempadan antarabangsa. Menerusi kerjasama dengan **East Coast Rail Link (ECRL)**, graduan Kejuruteraan Elektrik kita telah dihantar menjalani latihan industri di China selama 10 bulan. Begitu juga **dengan Edra Power Holdings** yang menyediakan program perantisan (*Apprenticeship*) di lapangan sebenar.

Selain itu, sumbangan pihak industri amat besar dalam memperkasa kelengkapan kami, contohnya tajaan peralatan terkini daripada syarikat seperti **Zus Coffee, Akar Titanium, Lembaga Jurukur Tanah**, dan sokongan penajaan inovasi daripada **Tenaga Nasional Berhad** serta **Cytron Technologies**.

Inilah bukti kukuh bagaimana jalinan strategik secara langsung memacu peningkatan kebolehpasaran graduan dan kualiti ekosistem TVET kita.

## **[HARAPAN & MASA DEPAN]**

Melangkah ke hadapan, POLYCC melihat banyak ruang yang boleh diterokai bersama. Saya menaruh harapan yang tinggi agar sesi libat urus pada hari ini tidak terhenti di dalam dewan ini sahaja, sebaliknya menjadi **platform berterusan yang membuka lebih banyak ruang kepada kerjasama yang bersifat jangka panjang**.

Kami mengalu-alukan penglibatan industri yang lebih mendalam, sama ada melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU), program sijil profesional industri untuk pensyarah dan pelajar, pembangunan bakat berstruktur, laluan

pengajian lanjut (articulation pathway), serta inisiatif penyelidikan gunaan dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Marilah kita sama-sama mencorakkan masa depan bakat muda negara kita.

## **[PENUTUP]**

Akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada para tetamu kehormat, rakan-rakan industri, agensi, dan seluruh warga kerja yang bertungkus-lumus menjayakan program pada hari ini.

Sekian, *Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Terima kasih.